



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SELASA, 20 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>KPWKM AMBIL TINDAKAN, LINDUNGI PELAJAR TAHFIZ DIDERA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062205/kpwkm-ambil-tindakan-lindungi-pelajar-tahfiz-didera">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062205/kpwkm-ambil-tindakan-lindungi-pelajar-tahfiz-didera</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/650338/berita/semasa/kpwkm-jakim-bekerjasama-selamatkan-pelajar-tahfiz-dakwa-dipukul">https://www.sinarharian.com.my/article/650338/berita/semasa/kpwkm-jakim-bekerjasama-selamatkan-pelajar-tahfiz-dakwa-dipukul</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1214297/kpwkm-jakim-kenal-pasti-bantuan-pelajar-tahfiz-didera">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1214297/kpwkm-jakim-kenal-pasti-bantuan-pelajar-tahfiz-didera</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/kpwkm-tawar-kaunseling-kepada-pelajar-tahfiz-didera/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/kpwkm-tawar-kaunseling-kepada-pelajar-tahfiz-didera/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>KPWKM RANCANG WUJUDKAN ANJUNG KASIH DI SETIAP NEGERI</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/650296/berita/nasional/kpwkm-rancang-wujudkan-anjung-kasih-di-setiap-negeri">https://www.sinarharian.com.my/article/650296/berita/nasional/kpwkm-rancang-wujudkan-anjung-kasih-di-setiap-negeri</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/19/kpwkm-cadang-tubuh-satu-anjung-kasih-ykn-setiap-negeri/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/19/kpwkm-cadang-tubuh-satu-anjung-kasih-ykn-setiap-negeri/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2271524">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2271524</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2271549">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2271549</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/kpwkm-plans-one-anjung-kasih-ykn-in-each-state-BD12115567">https://thesun.my/local_news/kpwkm-plans-one-anjung-kasih-ykn-in-each-state-BD12115567</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/kerajaan-cadang-perbanyak-anjung-kasih-bantu-waris-pesakit/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/kerajaan-cadang-perbanyak-anjung-kasih-bantu-waris-pesakit/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/local_news/kpwkm-plans-one-anjung-kasih-ykn-in-each-state-BD12115567">https://thesun.my/local_news/kpwkm-plans-one-anjung-kasih-ykn-in-each-state-BD12115567</a>	THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>BOLSTER GOVT'S DIGITISATION INITIATIVE, JKM STAFF URGED</b>	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=228969">https://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=228969</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>SARAWAK SASAR JADI NEGERI PERTAMA BASMI KANSER SERVIK MENJELANG 2030</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/sarawak-sasar-jadi-negeri-pertama-basmi-kanser-servik-menjelang-2030/">https://suarasarawak.my/sarawak-sasar-jadi-negeri-pertama-basmi-kanser-servik-menjelang-2030/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/19/sarawak-aims-to-be-first-state-to-eliminate-cervical-cancer">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/19/sarawak-aims-to-be-first-state-to-eliminate-cervical-cancer</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/19/sarawak-sasar-714800-wanita-jalani-ujian-hpv-menjelang-2030-dr-sim/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/19/sarawak-sasar-714800-wanita-jalani-ujian-hpv-menjelang-2030-dr-sim/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://dayakdaily.com/sarawak-on-track-to-achieve-70-pct-hpv-screening-coverage-for-women-aged-30-65-by-2030/">https://dayakdaily.com/sarawak-on-track-to-achieve-70-pct-hpv-screening-coverage-for-women-aged-30-65-by-2030/</a>	DAYAKDAILY.COM
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/sarawak-targets-zero-cervical-cancer-by-2030/">https://www.newsarawaktribune.com.my/sarawak-targets-zero-cervical-cancer-by-2030/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/19/sarawak-sasar-70-peratus-wanita-berusia-30-65-tahun-jalani-ujian-hpv">https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/19/sarawak-sasar-70-peratus-wanita-berusia-30-65-tahun-jalani-ujian-hpv</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>MAJLIS PERASMIAN BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN-TNB HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II, KELANTAN</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=DDqaL0K-vUA">https://www.youtube.com/watch?v=DDqaL0K-vUA</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>ISU GELANDANGAN DI KUALA LUMPUR PERLU DIATASI SEGERA</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/650275/edisi/selangor-kl/isu-gelandangan-di-kuala-lumpur-perlu-diatasi-segera">https://www.sinarharian.com.my/article/650275/edisi/selangor-kl/isu-gelandangan-di-kuala-lumpur-perlu-diatasi-segera</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>TWO SARAWAK NGOS HELP TO CLOSE CANCER GAP FOR RURAL COMMUNITIES</b>	
	<a href="https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2024/02/19/two-sarawak-ngos-help-to-close-cancer-gap-for-rural-communities">https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2024/02/19/two-sarawak-ngos-help-to-close-cancer-gap-for-rural-communities</a>	THESTAR.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>LELAKI DISYAKI DERA ANAK TEMAN WANITA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062297/lelaki-disyaki-dera-anak-teman-wanita">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062297/lelaki-disyaki-dera-anak-teman-wanita</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>PENIAGA WARUNG NAFI AMANG SEKSUAL TIGA KANAK-KANAK LELAKI</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/19/peniaga-warung-nafi-amang-seksual-tiga-kanak-kanak-lelaki/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/19/peniaga-warung-nafi-amang-seksual-tiga-kanak-kanak-lelaki/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1214417/peniaga-warung-didakwa-lakukan-amang-seksual-miliki-bahan-pornografi">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1214417/peniaga-warung-didakwa-lakukan-amang-seksual-miliki-bahan-pornografi</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/19/peniaga-warung-nafi-laku-seks-luar-tabii-amang-seksual-terhadap-tiga-remaja/">https://malaysiagazette.com/2024/02/19/peniaga-warung-nafi-laku-seks-luar-tabii-amang-seksual-terhadap-tiga-remaja/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=PYZvxO84SQU">https://www.youtube.com/watch?v=PYZvxO84SQU</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1062242/lelaki-didakwa-lakukan-seks-luar-tabii-memiliki-bahan-pornografi-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1062242/lelaki-didakwa-lakukan-seks-luar-tabii-memiliki-bahan-pornografi-kanak-kanak</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/peniaga-warung-nafi-amang-seksual-tiga-kanak-kanak-lelaki/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/peniaga-warung-nafi-amang-seksual-tiga-kanak-kanak-lelaki/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=owowtad25iU">https://www.youtube.com/watch?v=owowtad25iU</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=gHHXgF2ohG4">https://www.youtube.com/watch?v=gHHXgF2ohG4</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>BEKAS ADUN AIR PUTIH BEBAS TUDUHAN CABUL ISTERI RAKAN</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/19/bekas-adun-air-putih-bebas-tuduhan-cabul-isteri-rakan/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/19/bekas-adun-air-putih-bebas-tuduhan-cabul-isteri-rakan/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/19/bekas-adun-air-putih-bebas-tuduhan-cabul-isteri-kepada-rakannya/">https://malaysiagazette.com/2024/02/19/bekas-adun-air-putih-bebas-tuduhan-cabul-isteri-kepada-rakannya/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/650358/berita/semasa/bekas-adun-air-putih-bebas-tuduhan-cabul-isteri-kepada-rakannya">https://www.sinarharian.com.my/article/650358/berita/semasa/bekas-adun-air-putih-bebas-tuduhan-cabul-isteri-kepada-rakannya</a>	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/2/2024

<https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/bekas-adun-air-putih-bebas-tuduhan-cabul-isteri-rakan/>

UTUSAN.COM.MY

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-adun-air-putih-bebas-tuduhan-cabul-isteri-kepada-rakannya-458962>


ASTROAWANI.COM

<https://thesun.my/cerita/berita/bekas-adun-air-putih-bebas-tuduhan-cabul-isteri-kepada-rakannya-DD12116498>

THESUN.MY

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2271624>

BERNAMA.COM



## KPWKM ambil tindakan, lindungi pelajar tahfiz didera

Syaherah Mustafa  
am@hmetro.com.my



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Better Brighter Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN) - Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Auditorium Kompleks Rawatan Harian Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II, di sini, hari ini.  
FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kota Bharu: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi membantu pelajar tahfiz yang didera di sebuah madrasah di Selangor.

Menteri KPWKM Datuk Seri Nancy Shukri berkata, siasatan dibuat dan pihaknya akan menjaga kebajikan pelajar itu yang juga kanak-kanak, seperti yang dipertanggungjawabkan.

Katanya, kementerian juga sudah menghubungi Jakim untuk mendapatkan maklumat lanjut dan bentuk bantuan diperlukan, berikutan institusi tahfiz di bawah kelolaan agensi berkenaan.


"Sebaik dimaklumkan berita itu, kami terus menghubungi Jakim untuk bertanya bentuk bantuan diperlukan dan diberitahu bahawa pusat pengajian agama itu tidak berdaftar.

"Kami akan melindungi kanak-kanak terbabit selain turut menawarkan khidmat kaunseling kepada pelaku jika dia mempunyai masalah peribadi," katanya dalam sidang media hari ini.

Terdahulu, beliau merasmikan Pelancaran Better Brighter Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN)-Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II, di sini, hari ini.

Nancy mengulas laporan muka depan Metro Ahad, semalam mengenai tindakan melampau tenaga pengajar sebuah madrasah tahfiz tidak berdaftar di Selangor yang memukul dan memaksa pelajar tidur di dalam tandas.

Operasi pusat pengajian agama itu yang didakwa didukung ahli politik dari pantai timur, peguam serta pengamal perubatan turut dikesan mengutip dana daripada orang ramai kononnya untuk membiayai pembinaan surau yang tidak pernah disiapkan hingga kini.



## KPWKM rancang wujudkan Anjung Kasih di setiap negeri

Oleh ADILA SHARINNI WAHID [Follow](#) 19 Februari 2024 02:30pm



Nancy (tengah) menanam pokok sebagai simbolik perasmian Anjung Kasih Yayasan YKN di HRPZ II.

KOTA BHARU - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) merancang untuk mewujudkan sekurang-kurangnya satu Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di setiap negeri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, fasiliti penginapan sementara kepada waris pesakit yang kurang berkemampuan itu dapat membantu meringankan beban mereka dari segi kos menyewa hotel atau pengangkutan.



Nancy melawat Anjung Kasih Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), di sini pada Isnin.

Menurut beliau, keperluan Anjung Kasih bagaimanapun berbeza di setiap negeri seperti Sabah atau Sarawak kerana kawasan penempatan yang luas melibatkan kawasan pedalaman.

**“Memang ada perancangan satu Anjung Kasih YKN di setiap negeri namun bergantung pada kemampuan kita dan sumbangan penderma terutama daripada syarikat korporat.**

“Cuma, setiap negeri ada keperluan berbeza seperti di Sarawak mungkin memerlukan tiga atau lebih Anjung Kasih YKN kerana kawasan penempatan penduduk jauh di pedalaman,” katanya pada pemberita selepas merasmikan Anjung Kasih Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), di sini pada Isnin.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Abdul Razak Majid.

Nancy yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN berkata, Anjung Kasih YKN membantu menjimatkan kos penginapan waris atau keluarga pesakit dengan purata antara RM100 hingga RM150 sehari.

Beliau berkata, inisiatif itu memperlihatkan komitmen berterusan kerajaan membantu meringankan beban rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana.


Katanya, setakat ini, seramai 96,338 pesakit dan waris pesakit yang menjalani rawatan di hospital-hospital kerajaan menerima manfaat projek Anjung Kasih YKN.

“Sebanyak 19 rumah Anjung Kasih yang beroperasi di seluruh negara dengan terbaharu di HRPZ II yang diwujudkan melalui tajaan TNB berjumlah RM1.5 juta.

“TNB menyumbang dan berkolaborasi dengan menaja sebanyak tiga Better Brighter Anjung Kasih YKN termasuk di Hospital Serdang dan Hospital Melaka,” katanya.

Tambah beliau, Anjung Kasih YKN ialah tempat penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya keluarga atau waris pesakit yang tidak berkemampuan menyewa bilik hotel namun berkeperluan untuk mengiringi dan menjaga pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.

“Perkhidmatan Anjung Kasih ini dibina dengan konsep selesa, selamat dan berkualiti demi memastikan kebajikan golongan sasaran terjamin,” katanya.



## Bolster govt's digitisation initiative, JKM staff urged

Published on: Sunday, February 18, 2024

By: Anthea Peter



*Hajiji (seated third right), Safar (seated, third left) posing for a photo with the recipients of the APC 2018-2023 Award.*

**KOTA KINABALU:** Public servants in the Chief Minister's Department (JKM) have been urged to bolster the State Government's "Smart Digital Government" digitisation initiative.

In making the call, State Secretary Datuk Safar Untong hoped they could continue providing excellent service delivery to the rakyat, towards implementing the 5 A's of the digitisation initiative, namely "Accessible by Anyone At Anytime, Anywhere and By Any Mobile Device".

"In this fast-paced era, the desires and wishes of the people also demand changes in obtaining government services.

"In order to fulfil the wishes of the people, we must always look ahead to ensure that civil servants continue to remain relevant and provide the best service to the people.

"The public service is the backbone of the country," he said in his speech during the JKM Appreciation Night at The Pacific Sutera, here, Friday.

Also present was Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor, who presented the Excellence Award (APC) to recipients.

Safar said 125 JKM civil servants from 15 offices, divisions and units were selected to receive the APC for the 2018- 2023 period.

He added that another 39 individuals will receive the special award (Anugerah Khas) for 2021 to 2023.

"The Government is always committed to recognising the culture of excellent work, commitment and service provided by civil servants through giving various awards.

"By awarding the APC, I hope it can encourage officers and staff to continue giving their commitment and effort to improve productivity and produce high quality work.

"This simultaneously ensures that the Government service remains relevant and trusted by the people, as well as meeting their wishes and expectations.

"This recognition should also create healthy competition among all officers and staff to prove each other's ability in providing the best service," he said.



## Sarawak sasar jadi negeri pertama basmi kanser servik menjelang 2030

@ GERRALD GILLES

**KUCHING:** Sarawak mensasarkan untuk menjadi negeri pertama di Malaysia untuk membasmi kanser servik menjelang tahun 2030.

Timbalan Premier Datuk Amar Dr Sim Kui Hian berkata, negeri ini berpeluang untuk membasmi kanser servik sekiranya golongan wanita yang berada dalam kumpulan umur reproduktif, berumur 30 tahun hingga 65 tahun tampil untuk menjalani ujian Papiloma Manusia (HPV) termasuk pemberian vaksinasi HPV.



*Datuk Amar Dr Sim Kui Hian bercakap pada sidang media selepas menyempurnakan Persidangan Amalan Patologi Ginekologi dan Sitopathology 2024 Kuching Sarawak anjuran Pejabat Perdagangan dan Pelancongan Sarawak Singapura (STATOS). | GHAZALI BUJANG*

Katanya, ujian yang dijalankan di hospital dan klinik kesihatan secara berkala dapat mengesan awal kehadiran sel-sel pra-kanser, sekali gus membolehkan pesakit mendapat rawatan awal.

"Kita secara asasnya perlu membuat saringan 10,000 wanita dalam sebulan.

"Kita cuba menyediakan kemudahan namun kita mahu semua wanita untuk menjaga diri masing-masing dengan tampil untuk mengadakan ujian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Persidangan Amalan Patologi Ginekologi dan Sitopathology 2024 Kuching Sarawak anjuran Pejabat Perdagangan dan Pelancongan Sarawak Singapura (STATOS), di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Kui Hian yang juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berhasrat untuk berkerjasama mengadakan saringan kanser servik di Sarawak.

"Saya telah duduk berbincang dengan Datuk Seri Nancy Shukri dan Datuk Seri Rohani Abdul Karim kerana kementerianya amat berminat untuk menyertai kita dan mengadakan program di Sarawak," katanya.



## Isu gelandangan di Kuala Lumpur perlu diatasi segera

Oleh NORAFIZA JAAFAR [Follow](#) 19 Februari 2024 12:17pm



Papan tanda dipasang DBKL mengenai aktiviti pengagihan makanan untuk gelandangan perlu dihantar ke lokasi ditetapkan bagi mengelak lambakan makanan di tempat awam.

KUALA LUMPUR - Isu gelandangan di Kuala Lumpur harus ditangani dengan kadar segera, kata Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Lai Chen Heng.

Menurut beliau, semua masalah berbangkit memerlukan perancangan bersepadu melibatkan agensi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Baitulmal, Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Ujarnya, walaupun berdepan misi sukar namun perlu ada usaha membanteras isu gelandangan dan tidak sekadar melepas batuk di tangga.

"Saya ingin Kuala Lumpur dingati sebagai sebuah ibu kota moden dan bukan sebagai ibu kota gelandangan."

"Apa yang pasti, gelandangan adalah satu realiti berlaku di depan mata kita. Walaupun tidak nampak serius, tetapi jika tidak dibendung isu sama akan merebak ke kawasan lain."

"Imej akan tercalar dan sukar dikembalikan sekiranya perkara ini tidak diatasi," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas meninjau isu gelandangan kawasan sekitar Medan Pasar bersama dua Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur lain, Carmen Leong dan Dr Bashir baru-baru ini.



Chen Heng (kiri) bersama Carmen dan Bashir meninjau isu gelandangan di Medan Pasar, baru-baru ini.

Chen Heng berkata, tafsiran gelandangan mengikut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai orang yang tiada ketentuan untuk tinggal dan biasanya tinggal di jalanan.

Ujarnya, tinjauan mendapati kawasan tumpuan gelandangan tidak mempunyai persekitaran kebersihan yang baik.

**"Bau busuk dan tidak menyenangkan, meskipun kawasan tumpuan pelancongan terletak hanya 200 meter dekatnya seperti Medan Tuanku, Masjid India, Jalan Hang Lekiu dan Pasar Seni."**

"Ini menyebabkan usaha DBKL untuk mengindahkan kawasan juga terbantut apabila gejala gelandangan merosakkan harta benda awam, terutamanya mural di dinding yang sepatutnya boleh menarik perhatian pelawat," katanya.



Lokasi menjadi tempat gelandangan berteduh.


Beliau tidak menafikan, banyak usaha dilakukan kerajaan untuk membantu golongan ini seperti bantuan bulanan JKM dan Baitulmal serta pusat perlindungan serta transit gelandangan namun mereka tetap memilih merempat di tepi jalan.

"Anehnya, mereka kelihatan seperti orang biasa. Ada yang mempunyai telefon pintar dan kadar pertuturan seperti orang terpelajar."

"Terdapat sebuah papan notis oleh DBKL untuk menggalakkan penderma makanan menghantar ke Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku, tetapi aktiviti terus dijalankan hampir setiap hari terutama pada musim perayaan."

"Secara tidak langsung menggagalkan segala usaha DBKL dan agensi kerajaan menangani isu ini," katanya.

Justeru Chen Heng berkata, isu gelandangan berkenaan mahu dibawa ke peringkat Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Kementerian supaya isu gelandangan turut dilihat dari lensa pembangunan negara.



## Two Sarawak NGOs help to close cancer gap for rural communities

By MINGTEOH



Sarawak Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah at the outreach programme. Photo: SCAN

The lack of awareness about breast cancer symptoms as well as breast self examinations, and limited mammogram services are among the main reasons why marginalised communities face a greater cancer risk.

A cancer patient's socioeconomic status and geographical location – known as the “equity gap” – has been said to greatly determine their chances of surviving cancer, says Dr Melissa Lim, a clinical lecturer at Universiti Malaysia Sarawak, and member of the Society for Cancer Advocacy and Awareness Kuching (SCAN) and the Sarawak Breast Cancer Support Group (SBCSG).

It is with this in mind that *Closing The Care Gap*, a short docu-film was recently launched by SCAN and SBCSG.

The docu-film sheds light on the harsh realities faced by marginalised communities, particularly those in low-income areas.

“It reveals the impact of limited access to healthcare that these marginalised communities in low-income areas are facing,” says Dr Lim.

“And it unveils the untold stories of breast cancer survivors and the challenges faced by individuals in rural Sarawak where healthcare resources are often scarce; lack of awareness, finances, insurance, and transport; communication difficulties; as well as fear of the unknown,” she says.

In 2022, through a breast cancer grant from the Union for International Cancer Control (UICC), Dr Lim, who is also a cancer researcher and patient advocate, embarked on a project titled “Beyond breast cancer awareness in rural Sarawak, Borneo – a documentary of outreach programmes”.

This brought about the collaboration between SCAN, SBCSG and the Health Ministry to carry out outreach programmes to four villages in rural Sarawak: Rantau Panjang – Batu Kawah, Kampung Buduk Nur – Ba-kelalan, Sungai Kut – Dalat, and Rumah Untang – Kapit.

A total of 1,954 women were screened and 126 (6.4%) were found to have breast abnormalities such as lumps. The majority of the women were Bidayuh (26.1%), Chinese (21.3%), and Malay (14.3%). Only 13.8% had mammograms done before and 8.2% had a family history of breast cancer.

### Addressing the gaps



In Ba-kelalan, Dr Lim (second from left) giving educational leaflets on breast self examination that have been translated into the Malay language to some local women. Photo: SCAN

According to Dr Lim, the documentary emphasises the urgency of addressing the equity gap in healthcare, and advocates for equal opportunities to healthcare as a fundamental human right.

“It is a call to action, encouraging collective efforts to bridge the care gap for individuals facing cancer in underserved communities,” she adds.

Hindrances to breast cancer screening include lack of mammogram services (there are only four facilities that offer mammograms throughout Sarawak), logistics issues, lack of awareness and cultural barriers.

Most patients from rural areas have to travel very far to get to the treatment they need, when diagnosed with cancer. Chemotherapy can only be accessed in major hospitals in Sibu, Miri and Kuching while radiotherapy can only be accessed in Kuching. High travelling costs hinder these patients from getting a timely diagnosis and treatment. Cultural barriers are also one of the issues as many believe in traditional medicines to treat their illness.

The docu-film highlights that, as one of the largest states in Malaysia and one with the most challenging terrain, Sarawak's cancer patients have to deal with limited access to healthcare facilities and specialists.

SCAN advisor and breast cancer survivor Datin Dayang Mariani says that screening is not available in most rural communities so there's a need to increase facilities in these areas.

“To ease congestion, it would be good if private hospitals can do CSR and outreach work with us,” she says.

SBCSG medical advisor Datuk Zulkifli Jantan highlights that “screening services provided by private and public health facilities aren't accessible to everyone. Also, not everyone is aware of the need for screening or can afford it”.

SCAN vice president and breast cancer survivor Dr Fitri Suraya adds that there are many who are still unaware about cancer, and also some who won't talk about nor address it even when they're aware of it.

“It takes mountains to move people to voluntarily go for screening at medical facilities. To resolve this issue, we have to organise health screenings within the communities themselves to encourage the women to step forward and screen,” she says.



General health screening counselling counter during outreach programme. Photo: SCAN

SCAN founding president and breast cancer survivor Sew Boon Lui believes more awareness education is needed in both rural and urban areas.

“It's important to make cancer, especially breast cancer, part of the health education syllabus, from upper primary or lower secondary school. Organising health talks in schools during family day events is also necessary.”

Meanwhile, Sarawak Women, Childhood and Community Well-being Development Minister and SCAN Patron Datuk Seri Fatimah Abdullah says that the docu-film highlights how something as basic as transportation poses a huge challenge for cancer patients in these communities because there isn't any public transport they can rely on. Instead, they have to find someone or pay people to bring them to the hospital.

Some villagers are forced to travel either in a 19-seater twin otter (bush aircraft) or a four-wheel drive vehicle over logging roads.

Dr Lianne Hendricks from the Lawas District Health Office also highlights that poor road conditions also hamper accessibility of these rural communities to the towns.

“Often the drive takes three to four hours for the cancer patient to get to the hospital.”

The docu-film reveals that many of the patients who live in rural parts of Sarawak are farmers and fishermen, and they can't afford the treatment costs.

Furthermore, the places are not only remote but each community also has their own dialect so there are language barriers, says Sarawak General Hospital Breast and Endocrine Surgeon, and SBCSG member Dr Sharifah Ashrina Wan Ali.

“Because there are over 30 ethnic groups in Sarawak, each with their own native dialect, we need to speak to them in their own language in order to communicate with them and educate them about cancer,” says Dr Lim.

### Reaching out



In Dalat, Matron Kamariah of SBCSG carrying out clinical breast examination registration. Photo: SCAN

About 40% of breast cancer cases in these communities are diagnosed at stage three and four, because of all these issues, says Dr Lim.

There are only four public mammogram screening facilities in Sarawak and many patients are diagnosed at advanced stages with fungating breast wounds due to lack of awareness and obstacles to accessing care.

This is why SCAN and SBCSG have joined hands to make a difference to spearhead outreach programmes that will reach the remote and underserved communities in Sarawak.

The outreach programmes aim to empower these communities with the relevant knowledge, and provide them with the tools to detect cancer early, and improve their health, she says.

She adds that such outreach programmes will “go to where the people are”, in their own communities and villages. This will help solve their issues with finding transport to the cities for screening and treatment.

“In these remote, rural areas, it's not just a medical check-up or cancer screening for them, but it's a lifeline to a healthier future.”


Dr Lim says that another solution is patient navigation, which should be widely integrated as part of the healthcare system.

“A patient navigation service will guide patients through the health service as well as the address the barriers to them getting proper healthcare.

“Patient navigation is a process where a person within the community engages with a patient. The navigators assist them in scheduling appointments, explaining treatment options, and addressing issues they may face such as transportation or finances,” she says, adding that it will reduce their emotional burden.

Some examples of successful patient navigation programmes include initiatives by the American Cancer Society, Cancer Research Malaysia, The National Cancer Society of Malaysia, and The Philippines' iCanServe Foundation.

Cancer is not a death sentence. There are many survivors and carers who live full lives after a diagnosis. Hence, patients in these communities should be given what they need so that they too can have a chance to enjoy similar successful outcomes as well, she concludes.



## Lelaki disyaki dera anak teman wanita

Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi  
am@hmetro.com



Taiping: Lelaki ditahan polis di Padang Gajah, Trong, selepas disyaki mendera kanak-kanak perempuan, 15 Febuari lalu.


Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Mohamad Nasir Ismail, berkata, ibu kanak-kanak terbabit membuat laporan polis selepas mendapati benjol pada kepala selain kesan lebam dan badan anaknya berbirat.

"Kanak-kanak berkenaan memaklumkan dipukul teman lelaki ibunya. Bagaimanapun suspek dikatakan tidak mengaku dan melarikan diri selepas ibu mangsa membuat laporan polis," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, suspek, 21, mempunyai tiga rekod jenayah lampau dan ditahan reman empat hari bermula hari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 148 Kanun Keseksaan

Disiarkan pada: Februari 19, 2024 @ 5:49pm



## Peniaga warung nafi amang seksual tiga kanak-kanak lelaki

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI | 19 Februari 2024, 2:29 pm



Yusri Nadin ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh hari ini. Foto SYAFEEQ AHMAD

MELAKA – Seorang peniaga warung dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual, memiliki bahan pornografi dan melakukan persetubuhan luar tabii terhadap tiga kanak-kanak lelaki sejak Ogos tahun lalu.

Tertuduh, Yusri Nadin, 57, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus 10 pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Azaraorni Abd. Rahman.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap tiga kanak-kanak berusia 12 dan 13 tahun.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dihukum sebat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017.

Sementara itu, tertuduh turut didakwa di bawah Seksyen 377C Kanun Keseksaan kerana melakukan persetubuhan luar tabii yang memperuntukkan penjara tidak kurang lima tahun dan maksimum 30 tahun dan sebat jika sabit kesalahan.

Kesemua kesalahan itu dilakukan antara pukul 6 petang dan 6.30 petang di ladang sawit dan getah serta di sebuah kedai serbaneka di Simpang Bekoh, Asahan dalam daerah Jasin antara Ogos 2023 hingga 7 Disember 2023.

Dalam pada itu, tertuduh turut berdepan pertuduhan memiliki pornografi kanak-kanak dalam tiga buah telefon bimbit miliknya. Mahkamah menetapkan 28 Mac untuk sebutan semula kes.-KOSMO! ONLINE



## Bekas ADUN Air Putih bebas tuduhan cabul isteri rakan

Oleh NORLIZAH ABAS 19 Februari 2024, 6:35 pm



Wan Ahmad Nizam (tengah berkemeja putih) bersama pasukan peguamnya selepas dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Majistret hari ini.

AMPANG – Mahkamah Majistret di sini melepas dan membebaskan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Datuk Wan Ahmad Nizam Wan Abdul Hamid daripada pertuduhan mencabul kehormatan isteri rakannya, empat tahun lalu.

Majistret Amalina Basirah Md. Top memutuskan demikian terhadap tertuduh tanpa memanggilnya membela diri selepas berpuas hati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadapnya.

Wan Ahmad Nizam, 58, didakwa menggunakan kekerasan jenayah terhadap wanita itu yang ketika kejadian berusia 47 tahun dengan niat mencabul kehormatannya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di antara pukul 1 pagi dan 5 pagi, 20 Julai 2020 dan 15 Ogos 2020 di ruang bersebelahan bilik tidur utama sebuah rumah di Taman Bukit Melawati, di sini.

Bekas ADUN Air Putih itu didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada hukuman.

Wan Ahmad Nizam diwakili barisan peguam diketuai oleh Hajjan Omar bersama-sama Nik Zarith Nik Moustpha dan Asyraf Abu Bakar Hamzah manakala pihak pendakwaan diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya Zahida Zakaria.

Bekas ADUN di Terengganu itu dihadapkan ke mahkamah pada 29 Jun 2021 manakala seramai tiga saksi pendakwaan memberi keterangan pada perbicaraan yang bermula pada 5 Oktober 2022. – KOSMO! ONLINE